



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PUISI MELAYU DALAM DRAMA-DRAMA NOORDIN HASSAN

NIK FAZLI BIN MOHAMAD

FBMK 2015 23



PUI SI MELAYU DALAM DRAMA-DRAMA NOORDIN HASSAN

Oleh

NIK FAZLI BIN MOHAMAD

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sastera**

Mei 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera.

**PUI SI MELAYU DALAM
DRAMA-DRAMA NOORDIN HASSAN**

Oleh

NIK FAZLI BIN MOHAMAD

Mei 2015

Pengerusi :Prof. Madya Hajah Samsina Binti Abd. Rahman, PhD
Fakulti :Bahasa Moden Dan Komunikasi

Dalam menghasilkan sesebuah karya drama, Noordin Hassan sering menggunakan puisi-puisi Melayu sebagai komponen isi dalam kesemua dramanya. Teknik kepengarangan tersebut menjadikan drama Noordin Hassan berbeza dengan karya dramatis yang lain. Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan mengkategorikan jenis-jenis puisi Melayu yang digunakan oleh Noordin Hassan dalam skrip dramanya. Di samping itu juga perbincangan ini juga dilakukan bertujuan untuk menganalisis fungsi-fungsi puisi Melayu yang digunakan oleh Noordin Hassan dalam setiap isi dramanya. Melalui kajian ini, sebanyak 15 buah skrip drama Noordin Hassan telah dipilih untuk dianalisis iaitu 13 buah skrip drama yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dan dua buah drama eceran yang telah dimuatkan dalam *Dewan Sastera*. Kajian ini juga akan menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci yang diasaskan oleh sarjana dari Universiti Malaya iaitu Mohamad Mokhtar Abu Hassan pada tahun 2001 sebagai landasan kajian. Hasil daripada dapatan kajian telah menemukan 11 buah puisi-puisi Melayu iaitu 10 jenis puisi Melayu tradisional dan sebuah puisi Melayu moden iaitu sajak. Selain itu, penggunaan puisi-puisi tersebut berfungsi sebagai aspek keindahan, nasihat dan pengajaran, hiburan dan pemerian dalam drama Noordin Hassan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree Master of Arts.

MALAY POETRIE IN NOORDIN HASSAN'S DRAMA

By

NIK FAZLI BIN MOHAMAD

May 2015

Supervisor :Prof. Madya Hajah Samsina Binti Abd. Rahman, PhD
Faculty :Modern Language and Communication

In producing a drama manuscript, Noordin Hassan always use Malay poetries as a key component in all of his dramas. His technique of writing makes Noordin Hassan's drama different with other scriptwriter. Therefore, this research is done to identify and categorize types of Malays poetries that was included by Noordin Hassan in his drama scriptures. This study also was done to analyze function of each Malays poetry that was used by Noordin Hassan in each content of his drama. From the research, about 15 Noordin Hassan's drama manuscripts were chosen to be analyze, which are 13 manuscripts was published by Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur and 2 more side manuscripts that were published in *Dewan Sastera*. This research also followed Teori Konseptual Kata Kunci that was founded by Mohamad Mokhtar Abu Hassan of Universiti Malaya in 2001 as a based research. Result showed that about 11 Malays poetries, which are 10 of traditional malay poetries and 1 modern malay poetry, was discovered. Other than that, the poetries was functioned as beauty aspect, guidance and moral value, entertainment and critical part in Noordin Hassan's dramas.

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T. Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang serta Yang Maha Kuasa yang menentukan segalanya. Selawat dan Salam Kepada Nabi Muhammad S.A.W. Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnianya tesis ini dapat disiapkan dengan sempurna.

Sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Jawatankuasa Penyeliaan Tesis iaitu Prof. Madya Dr. Hajah Samsina Hj. Abd, Rahman yang banyak memberi dorongan, bantuan, nasihat, sokongan serta kata-kata semangat yang tidak ternilai sepanjang proses menyiapkan tesis. Tidak lupa juga kepada Dr. Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi yang sentiasa memberikan kerjasama dan pandangan yang berguna terhadap kajian yang dilakukan.

Akhirnya, ucapan terima kasih kepada keluarga terutamanya Arwah Bonda tercinta yang menanam semangat dan memberikan dorongan dalam menyiapkan tesis ini. Tidak lupa kepada Ayahanda tercinta dan adik beradik yang selalu memberi sokongan sepanjang tesis ini disempurnakan. Tidak ketinggalan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak berkongsi bahan-bahan untuk melengkapkan kajian ini. Terima kasih atas segalanya.

**NIK FAZLI BIN MOHAMAD
NO 124 FELDA CHIKU 03,
18300 GUA MUSANG,
KELANTAN,
2015**



© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Samsina Abd. Rahman, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, PhD

Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Pensyarah Kanan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Bujang Kim Huat, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nik Fazli Bin Mohamad (GS36035)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Hajah Samsina Binti Abd. Rahman

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Penyeliaan : Dr. Nik Rafidah Binti Nik Muhamad Affendi

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi
BAB	
1 PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Latar Belakang dan Pengkaryaan Noordin Hassan	2
Pernyataan Masalah	4
Objektif Kajian	5
Kepentingan Kajian	5
Batasan Kajian	5
Kaedah Kajian	6
Definisi Konsep dan Operasional	6
2 SOROTAN LITERATUR	
Pengenalan	9
Kajian dan Analisis Tentang Puisi dan Fungsi	9
Kajian dan Analisis Tentang Drama Noordin Hassan	13
Kajian dan Analisis Tentang Teori Konseptual Kata Kunci	18
Rumusan	22
3 METODOLOGI KAJIAN	
Pengenalan	24
Pendekatan Teori Konseptual Kata Kunci	24
Prinsip-Prinsip Dalam Teori Konseptual Kata Kunci	25
Prinsip Kepengaruhan	25
Prinsip Pemilihan Kata atau Diksi	26
Prinsip Kesan	26
Rasional Pemilihan Teori Konseptual Kata Kunci	27
Hubungan Pengarang, Karya dan Pengkaji	27
Kerangka Kajian	29
4 PUISI-PUISI MELAYU DALAM DRAMA-DRAMA NOORDIN HASSAN	
Pengenalan	30
Pantun	31
Syair	45
Gurindam	50
Seloka	54

Teromba	56
Talibun	57
Jampi Serapah Dan Mantera	69
Zikir Atau Dikir	70
Ruba'i	72
Nazam	72
Sajak	73
Analisis Fungsi Puisi dalam Drama	
Noordin hassan.	
Puisi Sebagai Unsur Keindahan	81
Puisi Sebagai Unsur Nasihat dan Pengajaran	86
Puisi Sebagai Unsur Hiburan	88
Puisi Sebagai Unsur Pemerian	91
5 RUMUSAN DAN KESIMPULAN	96
BIBLIOGRAFI	98
BIODATA PELAJAR	

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Kerangka Teori Konseptual Kata Kunci	28
2	Kerangka Kajian	29



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Skrip Drama-Drama Noordin Hassan yang Digunakan Dalam Kajian.	5
2	Analisis Genre Puisi Yang Digunakan Dalam Drama-Drama Noordin Hassan.	30
3	Analisis Fungsi Puisi Dalam Drama-Drama Noordin Hassan	81



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Dalam dunia kesusasteraan, teks muncul dalam pelbagai bentuk dan kesemuanya merupakan sumber data yang mengajak khalayaknya menganalisis serta menyingkap maknanya. Menurut Solehah Ishak (1994:41) dalam genre drama, teks muncul dalam bentuk skrip, namun begitu skrip drama hanya mempunyai sebahagian daripada rasa dan makna yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Di Malaysia, Noordin Hassan telah menghasilkan pelbagai bentuk skrip drama, sama ada untuk persembahan pentas atau drama televisyen. Sejak daripada tahun 1953, Noordin Hassan telah berjaya menghasilkan 20 buah skrip drama yang hampir kesemuanya telah dipentaskan oleh Noordin Hassan. Keistimewaan dan keunikan Noordin Hassan diperkatakan setelah berjaya mementaskan karyanya yang berjudul “Bukan Lalang Ditiup Angin” yang dipentaskan di Tanjung Malim pada tahun 1970, mulai saat itu namanya dikenali dalam dunia drama tempatan (Mana Sikana, 20:2002).

Kejayaan yang paling besar dalam hidup Noordin Hassan dalam bidang kesusasteraan Melayu di Malaysia ialah pada tahun 1993 apabila beliau telah dianugerahkan tokoh Sasterawan Negara yang ke-7. Pengiktirafan tersebut diberikan kerana kebolehnya dalam menghasilkan karya drama, di samping sebagai pengarah dalam pementasan dramanya. Sehingga kini, hampir 45 tahun penglibatan Noordin Hassan dalam bidang drama, beliau masih lagi prolifik dalam menghasilkan skrip drama Melayu. Selain itu ketokohnya dalam menghasilkan drama memperlihatkan kelainan Noordin Hassan sebagai seorang tokoh sastera yang berbeza dengan Sasterawan Negara yang lain kerana beliau hanya memfokuskan pada genre drama sahaja.

Selain itu juga, kelainan Noordin Hassan dalam berkarya apabila berani mengutarakan konsep pendramaan yang baru iaitu bersifat *antirealisme*. Menerusi hasil karya drama Noordin Hassan yang telah melakukan beberapa siri eksperimen dalam karyanya iaitu Noordin Hassan menghasilkan drama Melayu moden yang berlandaskan dua tradisi budaya iaitu tradisional dan moden dalam isi dramanya. Hal ini telah disokong oleh tokoh kesusasteraan Melayu iaitu Mana Sikana (1987:178), dalam tulisannya mengenai penulisan drama Noordin Hassan secara keseluruhannya. Menurut Mana Sikana:

Noordin Hassan telah menggambarkan orang-orang Melayu yang sebelah kakinya menjejak ke dunia moden, sementara sebelah lagi masih memijak bumi tradisi. (1987:178)

Kenyataan tersebut menjelaskan tentang kepengarangan Noordin Hassan dalam menghasilkan sesebuah karya dengan menggarapkan dua tradisi yang berbeza dalam isi skrip dramanya. Dengan itu, secara tidak langsung Noordin Hassan berjaya menarik minat khalayak penggemar drama dan penggemar puisi tanah air. Menurut Mana Sikana (1987:178) lagi kelainan yang ditonjolkan oleh Noordin Hassan ini telah berjaya menonjolkan keistimewaannya sebagai seorang tokoh drama yang kreatif dan berani melakukan percubaan yang baru.

Sepanjang penglibatan Noordin Hassan dalam dunia drama di Malaysia, beliau telah diiktiraf dengan pelbagai anugerah. Antara pengiktirafan dan penghargaan yang diterima oleh Noordin Hassan ialah pada tahun 1979, beliau telah dianugerahi pingat Ahli Mangku Negara (AMN), S.E.A. Write Award (1987), Anugerah Anak Tanjung oleh Y.B. Menteri Kewangan Malaysia (1992), Anugerah Sastera Negara (1993) dan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Dato' oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang (1994). (Halilah Hj. Khalid, 2007:4).

Latar Belakang dan Pengkaryaan Noordin Hassan

Dekad 1960-an telah membuka lembaran baru dalam perkembangan pentas drama Melayu, perkembangan drama ini seterusnya pada tahun 1970-an iaitu munculnya aliran eksperimental dalam teater Melayu yang dipelopori oleh Noordin Hassan menerusi dramanya yang bertajuk “Bukan Lalang Ditiup Angin” (1970) yang telah menjadi perhatian khalayak dan mendapat sambutan oleh masyarakat drama. (Fazilah Husin, 2010:18).

Kemunculan Noordin Hassan dalam dunia drama moden Melayu amat ketara. Kebolehan menulis dan mengarah sendiri drama tulisannya telah memberi nafas baru kepada dunia tanah air. Noordin Hassan, anak jati Pulau Mutiara yang lahir di jalan Hutton, Pulau Pinang pada 18 Januari 1929. Rentetan alam pendidikan yang dilalui oleh beliau sehingga ke Kolej Kirby, England membawanya kepada profesion perguruan. Sebagai guru bahasa Inggeris, beliau banyak mengaplikasikan teknik drama sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Beliau kemudiannya dihantar ke England untuk mengikuti kursus drama dalam pendidikan di New Castle, United Kingdom. Walaupun beliau lebih banyak mendapat pendidikan dari barat, namun jiwanya tetap Melayu yang sentiasa sarat dengan imej suka berkias. Noordin Hassan, sasterawan yang aktif dalam penulisan dan pengarahan drama merupakan tokoh Sasterawan Negara yang ke-7 yang diperolehnya pada tahun 1993. Penganugerahan gelaran Atertinggi dalam dunia sastera Negara kepada Noordin Hassan, pernah menimbulkan kontroversi ekoran penglibatan beliau dalam genre drama sedangkan sebelum ini anugerah prestij tersebut hanya dikurniakan kepada sasterawan genre sastera yang lain. Selain itu juga peminat drama tanah air sentiasa mengharapakan Noordin Hassan sentiasa produktif dan menghasilkan karya drama yang lebih bermutu (Halilah Haji Kalid, 2007:xix)

Drama Noordin Hassan ialah drama bukan realistik atau drama anti-realisme. Catatan oleh Solehah Ishak dalam buku Noordin Hassan yang bertajuk *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1996:xvi) menjelaskan bahawa untuk menilai dan menganalisis drama Noordin Hassan ini pengkaji tidak seharusnya mengikut kayu pengukur yang dibuat oleh Aristotle. Tetapi pengkaji boleh menggunakan kayu pengukur yang digariskan oleh Brecht untuk membuat kritikan tentang drama Noordin Hassan. Ini kerana ciri kritikan Brecht ini tidak mempunyai plot, tidak mempunyai perkembangan satu garisan (linear), dan yang paling penting lagi ialah kesan untuk khalayak teater bukanlah untuk mengasimilasikan penonton dalam dunia pementasan tetapi bertujuan untuk memberi gambaran dan isi dalam pementasan tersebut. Selain itu jelas beliau juga, objektif utama Noordin Hassan semasa mementaskan dramanya bertujuan supaya khalayak teater beliau sentiasa berfikir dan bertanya pada diri sendiri atau khalayak lain akan arus dan matlamat kehidupan mereka, keluarga, agama dan Negara (Solehah Ishak, 1996:xvi).

Sehubungan dengan itu, Fazilah Husin (2010:18) menyatakan dalam pementasan teater Noordin Hassan, penonton diberi peluang untuk memahami mesej dan makna yang ingin disampaikan kerana persembahan drama Noordin Hassan sukar difahami berbanding dengan pementasan drama realisme pada tahun 1960-an. Tambahan pula, menurut Fazilah Husin (2010:19) teknik yang digunakan oleh Noordin Hassan ini dipilih disebabkan dasar kerajaan pada zaman tersebut yang melarang hal-hal sensitif yang bersifat perkauman tercetus seperti peristiwa 13 Mei 1969. Menurut Fazilah Husin (2010:19) menerusi drama Noordin Hassan iaitu “Bukan Lalang Ditiup Angin” (1970) unsur dramatik dan estetika dalam drama tersebut digarap melalui teknik seni persembahan Melayu yang diadunkan dengan elemen surealisme dan aliran barat. Selain itu juga, menurut Nur Nina Zuhra (1992:145) menjelaskan dalam penghasilan sesebuah drama, antar teknik yang digunakan oleh Noordin Hassan seperti gemar menggabungkan nyanyian, muzik dan tarian dalam isi dramanya, manakala plot drama beliau seringkali berbeza dengan plot kronologi drama seperti realisme, bangsawan dan sandiwara (1992:145). Berdasarkan pendapat tokoh-tokoh tersebut, membuktikan keunggulan Noordin Hassan dalam menghasilkan sesebuah drama yang bermutu, unik dan mempunyai kelainan yang tersendiri.

Drama-drama tulisan dan arahan beliau ialah “Bukan Lalang Ditiup Angin”, “Tiang Seri Tegak Berlima”, “Pintu”, “1400”, “Jangan Bunuh Rama-Rama”, “Anak Tanjung”, “Cindai”, “Peran”, “Sirih Bertepuk Pinang Menari”, “Malam Ini Penyu Menangis”, “Selendang Umi”, “Disentuh Bulan Pun”, “Mana Setangginya”, “...Demi Zaitun” dan “Intan yang Tercanai”. Manakala antara koleksi drama Noordin Hassan telah diterbitkan dalam kumpulan *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1996), *Kumpulan Drama Peran* (1997), *Kumpulan Drama Anak Tanjung* (1998) , *Mana Setangginya* (2000), buku yang berjudul *Teater Fitrah dan Esei pilihan* (2002) telah memuatkan tujuh buah esei dan 9 buah koleksi drama beliau dan yang terkini ialah *Edisi Khas Sasterawan Negara: Kumpulan Drama Pilihan “..Demi Zaitun..”* yang ditulis dan diselenggarakan oleh Noordin Hassan pada tahun 2006 yang memuatkan 3 buah drama dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Di samping itu dua buah drama yang berjudul “Peran” (1991) dan drama “Intan Yang tercanai” (2008) dimuatkan sebagai

drama eceran dalam *Dewan Sastera* keluaran November 1991 dan *Dewan Sastera* keluaran November 2009.

Pernyataan Masalah

Menurut Halilah Hj. Khalid (2007:36), dalam menghasilkan sesebuah karya drama, Noordin Hassan gemar menerapkan elemen warisan budaya dan tradisi Melayu seperti puisi-puisi tradisional, nyanyian, boria, bangsawan dan tarian yang dijadikan komponen isi dalam skrip dramanya. Kesan daripada penerapan elemen tersebut dalam skrip dramanya, secara tidak langsung Noordin Hassan telah berjaya mengangkat kembali warisan budaya Melayu yang hampir dilupakan dan disingkirkan dalam era moden dan menghidupkannya kembali dalam skrip drama beliau.

Menurut Mana Sikana (1995:84), dalam menghasilkan sesebuah karya dramatis, Noordin Hassan sering menggarapkan elemen puisi-puisi Melayu dalam isi dramanya. Penghasilan puisi-puisi Melayu tersebut merupakan teknik penulisan yang dikenali sebagai pola irama puisi. Teknik tersebut digunakan oleh Noordin Hassan dalam dramanya adalah bertujuan untuk menjelaskan makna dan fungsi sesebuah karya kesusasteraan itu dihasilkan. Rahimidin Zahari (2012:4) pula menjelaskan teknik yang digunakan oleh Noordin Hassan dalam menghasilkan puisi-puisi Melayu dalam skrip dramanya masih lagi bersandarkan kepada ciri-ciri dan bentuk penghasilan sesebuah puisi yang terdahulu. Selain itu juga, menurut Fazilah Husin (2010:220) penggunaan puisi-puisi Melayu seperti nazam, syair dan gurindam dalam drama Noordin Hassan mempunyai fungsi tersendiri antaranya dijelaskan sebagai penggantian dialog. Manakala Rahimidin Zahari (2012:4) pula menyatakan puisi-puisi Melayu yang terdapat dalam skrip drama Noordin Hassan hanyalah gambaran dan ilustrasi Noordin Hassan ketika berkarya berbanding dengan tajuk drama Noordin Hassan yang seharusnya diberi penekanan dan perhatian oleh khayalak.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertitik tolak daripada pandangan-pandangan sarjana mengenai puisi-puisi Melayu yang digunakan oleh Noordin Hassan dalam kesemua skrip dramanya. Berdasarkan pandangan sarjana kajian ke atas puisi-puisi Melayu yang digunakan oleh Noordin Hassan dalam dramanya wajar dilakukan oleh pengkaji. Jelasnya, menerusi karya drama Noordin Hassan ini memperlihatkan kehebatan dan keunikkan yang terdapat dalam skrip drama Noordin Hassan iaitu wujudnya kepelbagaian teknik yang digunakan oleh Noordin Hassan dalam menghasilkan sesebuah karya drama dengan menerapkan dua elemen tradisi yang berbeza iaitu tradisional dan moden. Selain itu juga, Noordin Hassan sering menggunakan puisi-puisi Melayu seperti puisi Melayu tradisional dan juga puisi Melayu moden. Justeru itu, menerusi perbincangan ini, penelitian akan dilakukan terhadap kepelbagaian puisi yang digunakan oleh Noordin Hassan dalam skrip dramanya. Puisi-puisi Melayu tersebut akan diperincikan secara jelas penggunaannya dari segi jenis, bentuk dan fungsi puisi-puisi Melayu tersebut digunakan dalam skrip drama Noordin Hassan.

Objektif Kajian

Objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah:

1. Menenal pasti dan menganalisis jenis-jenis puisi Melayu dalam drama-drama Noordin Hassan.
2. Membincangkan fungsi-fungsi puisi Melayu dalam drama-drama yang dikaji.
3. Mengaplikasikan teori konseptual kata kunci dalam kajian.

Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan akan dapat memberi kepentingan kepada pengkaji, yang kedua dalam bidang ilmu sastera terutama bidang puisi serta bidang drama dan yang ketiga pula kepentingannya kepada masyarakat umum. Kepada pengkaji, kajian ini penting untuk melihat jenis-jenis puisi Melayu yang digunakan dalam drama-drama Noordin Hassan dan fungsi sesebuah puisi itu dihasilkan dalam drama. Selain itu, diharapkan kajian ini juga dapat memperkenalkan tokoh drama tanah air iaitu Noordin Hassan dan sumbangannya dalam dunia kesusasteraan Melayu khususnya genre drama. Selain itu dapatan kajian juga diharapkan dapat memberi ruang kepada para pengkaji yang akan datang memfokuskan skop kajian mereka terutamanya dalam bidang puisi dan juga drama terutamanya berkaitan dengan karya-karya Noordin Hassan.

Secara keseluruhan, kepentingan menyeluruh melalui hasil kajian ini dapat mendekatkan lagi karya Noordin Hassan kepada khalayak terutamanya yang meminati genre drama dan puisi. Seterusnya dapat memperlihatkan keunikan dan kelainan Noordin Hassan sebagai tokoh drama yang sering mengadunkan genre puisi dalam drama-dramanya.

Batasan Kajian

Seperti yang dinyatakan lebih awal, bahan-bahan yang dipilih adalah terdiri daripada drama Noordin Hassan iaitu sebanyak 15 buah skrip drama yang dipilih, iaitu 13 buah drama yang dimuatkan dalam buku dan 2 buah drama eceran yang bertajuk “Peran” (1991) dan “Intan Yang Tercanai” (2008) yang dimuatkan dalam majalah *Dewan Sastera* November 1991 dan *Dewan Sastera* November 2009.

Skrip-skrip drama Noordin Hassan yang akan dikaji adalah seperti dalam jadual 1 berikut:

BIL	TAJUK SKRIP DRAMA NOORDIN HASSAN	TAHUN
1	Bukan Lalang Ditiup Angin	1970
2	Tiang Seri Tegak Berlima	1973
3	Pintu	1975
4	1400	1981
5	Jangan Bunuh Rama-Rama	1982
6	Anak Tanjung	1987
7	Cindai	1988
8	Peran	1991
9	Sirih Bertepuk, Pinang Menari	1992
10	Mana Setangnya	1995
11	Selendang Umi	1998
12	Disentuh Bulan Pun	2000
13	Malam Ini Penyu Menangis	2002
14	...Demi Zaitun	2004
15	Intan Yang Tercanai	2008

Jadual 1: Skrip Drama-Drama Noordin Hassan yang digunakan dalam Kajian.

Berdasarkan jadual 1 di atas adalah bahan-bahan kajian yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Justifikasi pemilihan skrip drama Noordin Hassan sebagai bahan kajian kerana karya ini telah dihasilkan oleh Sasterawan Negara yang ke-7. Kesemua skrip drama Noordin Hassan ini juga telah diterbitkan oleh Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dalam bentuk kumpulan drama dan juga dimuatkan dalam majalah *Dewan Sastera*. Justifikasi pemilihan bahan ini juga kerana kesemua skrip-skrip drama Noordin Hassan ini telah berjaya dipentaskan sendiri oleh Noordin Hassan. Selain itu juga, menerusi bahan-bahan kajian ini jelas memperlihatkan penggunaan puisi-puisi Melayu yang digunakan oleh Noordin Hassan dalam dramanya.

Kaedah Kajian

Kajian ini akan menggunakan kaedah menganalisis teks iaitu menganalisis skrip drama Noordin Hassan yang telah dipilih sebagai bahan kajian. Selain itu juga menerusi

kajian ini pengkaji akan mengaplikasikan teori konseptual kata kunci yang diasaskan oleh Mohamad Mokhtar Hassan pada tahun 2001 sebagai landasan kajian.

Definisi Konsep Dan Operasional

Dalam kajian ini pengkaji akan mengemukakan dua istilah atau pengertian yang menjadi fokus kajian ini. Istilah tersebut ialah “Puisi Melayu” dan “Drama”

Puisi Melayu

Puisi Melayu adalah sebuah karangan berangkap yang terbahagi kepada dua iaitu puisi Melayu tradisional dan juga puisi Melayu moden. Puisi Melayu tradisional kebanyakannya mempunyai bentuk yang terikat seperti pantun dan syair manakala puisi Melayu moden seperti sajak bersifat bebas dan tidak terikat bentuknya. Selain itu puisi dihasilkan melalui pemilihan kata yang sesuai dan disusun dalam sesebuah rangkap, sebagaimana yang diutarakan oleh Nurazmi Kuntum (1991:25) yang menjelaskan puisi adalah sebuah karangan berangkap yang mementingkan irama, suku kata dan pilihan kata-kata. Manakala menurut Anis Sabirin (1972:2) puisi Melayu adalah satu cabang kesenian yang disebut kesusasteraan yang bererti bahasa indah, berirama dan mempunyai bentuk. Selain itu juga, puisi ini bersifat kolektif dan fungsional seperti yang dijelaskan oleh Aripin Said (1994:vii) bidang puisi merupakan hasil sastera yang amat berfungsi dalam kehidupan sesebuah masyarakat.

Fungsi merujuk kepada jalinan atau hubungan yang mempunyai tanggungjawab, peranan dan tugasnya tersendiri. Manakala menurut pandangan Moechtar Awang (1992:27) istilah fungsi dalam genre sastera terutamanya dalam bidang puisi adalah merujuk kepada tugas atau peranan yang difungsikan dalam genre tersebut. Secara umumnya, kajian fungsi puisi ini telah banyak dijelaskan oleh sarjana dalam kajiannya dan dapatan kajian menjelaskan tentang fungsi puisi ialah sebagai hiburan, keindahan, penegasan, nasihat dan pengajaran, alat teguran, gambaran perasaan dan juga sebagai pemerian.

Berdasarkan kenyataan Muhammad Haji Salleh (2006:56-57) yang menjelaskan fungsi sesebuah karya sastera itu dihasilkan adalah untuk berhibur, memberi pengajaran dan juga membentuk keindahan, tambah beliau lagi fungsi sesebuah karya sastera itu dilihat menerusi bentuk, rima dan penceritaan yang terdapat di dalamnya. Selain itu juga menurut Aripin Said (1994:viii) puisi Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai keindahan dan memberi hiburan kepada khalayak tetapi juga mempunyai fungsi utama dalam kehidupan seperti jampi serapah yang digunakan oleh orang-orang tertentu dalam masyarakat yang berfungsi untuk menyembuhkan penyakit. Jelasnya puisi Melayu dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu tradisional dan moden. Puisi adalah sebuah karangan berangkap yang dihasilkan melalui pemilihan kata yang disusun dalam sesebuah rangkap. Penghasilan sesebuah puisi mengandungi fungsi-fungsi yang tersendiri dan mempunyai tugas serta tanggungjawab dalam kehidupan sesebuah masyarakat.

Drama

Salah satu daripada genre sastera yang dapat dijadikan medan bagi pengarang menzahirkan buah fikiran mereka ialah menerusi genre drama. Drama merupakan gambaran masyarakat yang dirakam menerusi pengalaman individu, pengamatan dan juga menerusi pemerhatian seperti yang dijelaskan oleh Mohamad Nazri Ahmad (2000:15). Penghasilan sesebuah karya drama pengarang memuatkan pelbagai elemen seperti nilai estetika, daya imaginasi, fantasi dan pengalaman peribadi pengarang. Selain itu juga drama menurut A. Rahim Abdullah (1998:74) berbeza dengan genre sastera yang lain kerana keunikan dan keistimewaan sesebuah drama itu merangkumi dua bidang yang berbeza seperti penghasilan skrip drama dan juga menterjemahkan melalui pementasan.

Justeru itu, puisi Melayu dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada 11 buah puisi yang terdapat dalam drama-drama Noordin Hassan iaitu 10 buah puisi Melayu tradisional seperti pantun, syair, gurindam, seloka, teromba, talibun, jampi serapah atau mantera, zikir atau dikir, ruba'i, nazam dan sebuah puisi Melayu moden yang dikenali sebagai sajak. Selain itu juga, berhubung dengan penggunaan puisi-puisi Melayu yang terdapat dalam skrip drama Noordin Hassan tumpuan juga akan dilihat berhubung dengan fungsi puisi Melayu tersebut digunakan dalam skrip drama Noordin Hassan. Perbincangan terhadap fungsi puisi-puisi Melayu yang digunakan oleh Noordin Hassan ini akan dilakukan dalam bab 4 iaitu merujuk kepada pandangan Fazilah Hussin (2012:220) yang menjelaskan tentang penggunaan elemen puisi-puisi Melayu dalam skrip drama Noordin Hassan. Dalam konteks kajian ini fungsi puisi Melayu dilihat sebagai keindahan, hiburan, nasihat dan pengajaran dan juga sebagai aspek pemerian. Manakala drama dalam kajian ini merujuk kepada drama-drama yang dihasilkan oleh Sasterawan Negara Noordin Hassan iaitu sebanyak 15 buah drama yang dipilih sebagaimana telah dinyatakan dalam batasan kajian.

BIBLIOGRAFI

Buku Ilmiah

- Abdul Halim Ali. *Mendekati Puisi Melayu Tradisional*. Tanjung Malim: Penerbitan Profesional Baharu, 2006.
- Abdul Halim Ali. *Di Sekitar Puisi Melayu Moden*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2004.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. *Kamus Peribahasa Kontemporari*. Kuala Lumpur: PTS Publication and Distribution Sdn. Bhd.
- Ali Ahmad. *Pengantar Pengajian Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Aripin Said. *Puisi Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Affendi, Asiah Abdul Rahman. *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd, 2011.
- Dharmawijaya. *Tanggapan Dan Kaedah Pengajaran Puisi*. Petaling Jaya: International Book Service, 1987.
- Fazilah Husin. *Teater Melayu: Teks Dan Eksperimentasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.
- Halilah Haji Khalid. *Noordin Hassan Dalam Esei dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Hassanuddin WS. *Drama Karya Dalam Dua Dimensi: Kajian Teori, Sejarah Dan Analisis*. Indonesia: Penerbit Angkasa Bandung, 2009.
- Harimurti Kridalaksana. *Kamus Linguistik*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama, 1993.
- Harun Mat Piah. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Muhammad Haji Salleh. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Mohamad Mokhtar Hassan. *Teori Konseptual Kata Kunci*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.

- Mana Sikana. *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Mohamad Mokhtar Hassan. *Sosiologi Sastera: Teori dan Aplikasi*. Kuala Lumpur: Aneka Publishing, 1995.
- Mohamad Mokhtar Hassan. *Kajian Analisis Puisi-Puisi Pilihan Usman Awang*. Kuala Lumpur: Penerbit Elman, 1995.
- Moechtar Awang. *Analisis Kritis Pantun Dan Puisi Melayu Tradisi STPM*. Kuala Lumpur: Penerbit Elman Sdn. Bhd, 1992.
- Mana Sikana. *Di Sekitar Pemikiran Drama Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Muhammad Haji Salleh. *Teori Kesusasteraan Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- Muhammad Haji Salleh. *Pengalaman Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
- Mana Sikana. *Esei Dan Kritikan Drama*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983.
- Noordin Hassan. *Edisi Khas Sasterawan Negara: ...Demi Zaitun...Kumpulan Drama Pilihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Noordin Hassan. *Teater Fitrah dan Esei Pilihan Noordin Hassan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Noordin Hassan. *Edisi Khas Sasterawan Negara, Mana Setangginya Kumpulan Drama Pilihan Noordin Hassan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Noordin Hassan. *Edisi Khas Sasterawan Negara Noordin Hassan: Bukan Lalang Ditiup Angin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Noordin Hassan. *Edisi Khas Sasterawan Negara Noordin Hassan: Saya...Dari Hujung Kota*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Nur Nina Zuhra. *An Analysis of Modern Malay Drama*. Shah Alam: BIROTEKS, ITM Mara, 1992.
- Saidah Haji Ali. *Analisis Drama: Tok Perak, Anak Tanjung, Atap Genting Atap Rumbia*. Kuala Lumpur: Penerbit Nurin Enterprise, 1993.
- Wan Akhmal Wan Semara. *Unsur Puitika Dalam Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Bab Dalam Buku

- Fazilah Husin. Teater Pasca Kembali Ke Akar Umbi. *Teater Melayu: Teks Dan Eksperimentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010: 212-256.
- Harun Mat Piah. Seloka Dan Talibun: Satu Pembicaraan Umum Dari Segi Pandangan Semesta Melalui Puisi. *Pandangan Semesta Melayu Dalam Pantun*. Ed. Rogayah A. Hamid, Jumaah Ilias. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Ismail Yusuff. Puisi Melayu Lama. *Kesusasteraan Melayu Lama Dan Baru*. Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2008.
- Muhammad Haji Salleh. Fungsi Karya Sastera. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Mana Sikana. Penerokaan dan Pembaharuan: Drama Malaysia Kontemporari. *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Norizat Salleh. Adat Sebagai Pembentuk Jati Diri Melayu. *Pandangan Semesta Melayu Dalam Pantun*. Ed. Rogayah A. Hamid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Solehah Ishak. Teater Fitrah Dan 1400. *Edisi Khas Sasterawan Negara: Tetaer Fitrah dan Esei Pilihan*. Ed. Noordin Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Saidah Haji Ali. Anak Tanjung: Latar Belakang Pengarang Dan Zaman. *Analisis Drama: Tok Perak, Anak Tanjung, Atap Genting Atap Rumbia*. Kuala Lumpur: Penerbit Nurin Enterprise, 1993.
- Tajularipin Sulaiman. Teori Otak. *Peranan Minda Dalam Kemahiran Berfikir*. Ed. Tajularipin Sulaiman dan Aminuddin Hassan. Serdang: Universiti Putra Malaysia. 2009:12-12.
- Wan Akhmal Wan Semara. Jenis Fungsi Dan Kesan Unsur Puitika Dalam Puisi Melayu Tradisional. *Unsur Puitika Dalam Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Kertas Kerja

- Arba'ie bin Sujud. Merungkai Keindahan Karya Prosa Dan Puisi: Interpretasi Dan Ekspresi. *Program Kem Extend Essay Language A Malay Kolej MARA*,

Anjuran Kolej Mara Banting. Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang, Sepang, Selangor. 12 April 2014.

Junaidah Salleh. Drama-Drama Noordin Hassan Dan Hubungannya Dengan Lingkungan Kontekstual. *Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Noordin Hassan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 22-23 Mei 2012.

Rahimudin Zahari. Membaca Imej Dan Simbol Dalam Drama Noordin Hassan Melalui Puisinya. *Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Noordin Hassan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 22-23 Mei 2012.

Rozninah Abd. Azib. Daripada Sudut Pandangan Editor: Noordin Hassan Sebagai Cerpenis?. *Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Noordin Hassan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 22-23 Mei 2012.

Rohani Yousoff. Kemanusiaan Islami Dalam Teater Fitrah Noordin Hassan. *Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Noordin Hassan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 22-23 Mei 2012.

Mohamad Mokhtar Hassan. Teori Konseptual - Kata Kunci: Aplikasi Terhadap Cerpen-Cerpen S. Othman Kelantan. *Pemikiran Sasterawan Negara S. Othman Kelantan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2004.

Mohamad Mokhtar Hassan. Pendekatan Kata Kunci: Satu Kaedah Dalam Kritikan Sastera. *Seminar Kritikan Sastera Melayu*. Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dengan Kerjasama Persatuan Pengkritik Malaysia di Hotel Parkroyal, Kuala Lumpur pada 24-26 September 2001.

Rahman Bujang. The Semantic Content of Play in Malaysia with Reference to Islam. *Theatre in educational/ Asian Theatre*. USA: San Diego pada 6 Ogos 1988.

Majalah

Noordin Hassan. Intan Yang Tercanai. *Dewan Sastera*. Jld. 39. Bil. 11:65-71. November 2009.

Rozninah Abd. Azib. Noordin Hassan dengan Intan Yang Tercanai. *Dewan Sastera*. Jld. 39. Bil. 4:4. April 2009.

Amir Najwan. Karyawan Bulan Ini: Noordin Hassan. *Dewan Sastera*. Jld. 31. Bil. 5:2. Mei 2001.

Khatijah Ismail. Drama Cerminan Masyarakat. *Dewan Sastera*. Jld. 31. Bil. 5:8-9. Mei 2001.

Noordin Hassan. Berdakwah Melalui Drama. *Dewan Sastera*. Jld. 31. Bil. 5:10-11. Mei 2001.

Mana Sikana. Dramatis Pascamoden. *Dewan Sastera*. Jld. 31. Bil. 5:12-16. Mei 2001.

Rozninah Abd. Azib. Noordin Hassan dengan Teater Fitrahnya. *Dewan Sastera*. Jld. 31. Bil. 5:4. Mei 2001.

Siti Jasmina Ibrahim. Noordin Hassan Mentor Drama Generasi Baru. *Dewan Sastera*. Jld. 31. Bil. 5:22-23. Mei 2001.

Solehah Ishak. Teori Strukturalisme, Teater Tanda dan Makna dalam Drama Noordin Hassan. *Dewan Sastera*. Jld. 31. Bil. 5:17-21.

Siti Rohayat Attan. Yang Terpinggir di Istana Budaya. *Dewan Sastera*. Jld. 31. Bil. 5:24-27. Mei 2001.

Haron Daud. Mantera Bandingan dengan Puisi Lain-Bentuk dan Isi. *Dewan Sastera*. Jld.26. Bil. 5:37-45. Mei 1996.

Noordin Hassan. Peran. *Dewan Sastera*. Jld. 21. Bil. 11:73-77. November 1991.

Tesis

Abd Rahim bin Ismail. *Teori Takmilah: Aplikasi Terhadap Drama-Drama Pilihan Karya Noordin Hassan*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia, Serdang. 2005.

Abd Aziz, *Konsep dan Kepimpinan Keris Mas: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci*. Tesis Master. Universiti Malaya. Kuala Lumpur. 2006.

Fazilah Husin. *Teater Eksperimental Melayu: Satu Kajian Bentuk dan Teks Struktur teks dramatik*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang. 2007.

Fazliaton Ahmad. *Citra Wanita dalam Drama-Drama Noordin Hassan: Satu Analisis Semiotik*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia, Serdang. 2001.

Norhidayah binti Abd. Rahman. *Pandangan Dunia Melayu dalam Puisi dan Naratif Melayu Tradisional*. Tesis Master Sastera. Universiti Putra Malaysia, Serdang. 2010.

Roslindawati Abaseri. *Pemikiran Dalam Kumpulan Puisi Di Kebun Khatulistiwa Karya Rahimidin Zakaria*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia, Serdang. 2009.

Sarinah binti Mustafa. *Kumpulan Puisi Sungai Hayat Karya Jair Sulai: Analisis Dari Sudut Teori SPB4L*. Kertas Projek Master Sastera. Universiti Putra Malaysia, Serdang. 2009.

Zalilah binti Zainudin. *Konseptual Kata Kunci: Aplikasi Terhadap Cerpen-Cerpen Karya Keris Mas*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia, Serdang. 2006.

Zainizawati binti Abdullah. *Unsur-Unsur Pantun dan Peranannya dalam Masyarakat Melayu*. Tesis Master Sastera. Universiti Putra Malaysia, Serdang. 2000.

Zalilah bt. Bukari. *Fungsi Puisi Dalam Cerita Lipur Lara*. Kertas Projek Master Sastera. Universiti Putra Malaysia, Serdang. 2000.